

KEPENTINGAN SUNGAI DI MALAYSIA

Penjana kuasa hidroelektrik

- Sungai-sungai yang beraliran deras diempang di bahagian hulunya untuk menjana kuasa hidroelektrik.
- Contoh: Empangan Chenderoh (Sungai Perak), Empangan Murum (Sungai Murum, Sarawak).



Sumber pengairan

- Air sungai menjadi sumber pengairan utama untuk kegiatan pertanian, terutamanya penanaman padi.
- Contoh: Projek Pengairan Muda di Sungai Muda (Kedah) membolehkan penanaman padi dua kali setahun dijalankan di Dataran Kedah-Perlis.



Kegunaan domestik

- Air sungai dijadikan sumber air untuk kegunaan domestik seperti membasuh, mencuci, mandi dan menyiram.
- Contoh: Sungai Rajang (Sarawak), Sungai Pahang, Sungai Kinabatangan (Sabah).



Sempadan semula jadi

- Terdapat sungai yang berperanan sebagai sempadan negeri dan sempadan antarabangsa.
- Contoh: Sungai Endau ialah sempadan antara negeri Johor dengan Pahang. Sungai Golok ialah sempadan antarabangsa antara Malaysia dengan Thailand.



Sumber protein

- Sungai membekalkan sumber ikan air tawar yang menjadi sumber protein penduduk Malaysia seperti ikan patin, ikan tilapia, ikan kelah.
- Contoh: Sungai Endau (Johor), Sungai Pahang, Sungai Kinabatangan (Sabah).



Pengangkutan dan perhubungan

- Sungai menjadi jalan perhubungan antara kawasan pedalaman dengan bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak.
- Contoh: Sungai Rajang dapat dimudiki sejauh 425 km ke Kapit di pedalaman Sarawak.



Rekreasi dan pelancongan

- Beberapa batang Sungai di Malaysia terkenal dengan aktiviti meredah jeram.
- Sungai yang deras, cetek dan jernih sesuai dijadikan kawasan rekreasi.
- Contoh: Sungai Sedim di Kulim, Kedah terkenal dengan aktiviti meredah jeram, manakala Sungai Melaka terkenal dengan aktiviti River Cruise.

